

Usah tumpu tiga negeri saja Agih teknologi tinggi: PM

BH 10 NOV 1991

Oleh-MOHD SHAH ABDULLAH

BANGI, Isnin — industri berteknologi tinggi dan mempunyai nilai tambahan yang baik perlu diagihkan dan tidak hanya ditumpukan kepada, beberapa negeri saja, kata **Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad** hari ini.

Perdana Menteri berkata kini ada banyak industri berteknologi tinggi di beberapa negeri dan sudah tiba masanya industri seumpama itu didirikan di negeri-negeri lain.

Dasar kerajaan ialah supaya industri seperti itu diwujudkan bukan saja di satu-satu negeri tetapi di semua negeri, katanya kepada pemberita selepas merasmikan pembukaan kilang Hitachi Electronic Products (M) Sdn Bhd dan kilang Hitachi Air Conditioning Products (M) Sdn Bhd, di sini hari ini.

Sehubungan itu, katanya, kerajaan akan memastikan Kedah dan Melaka turut mendapat peluang dan kemudahan yang sama, memandangkan perkembangan industri teknologi tinggi begitu pesat di kebanyakan negeri yang lebih maju seperti Pulau Pinang, Johor dan Selangor.

"Kini ada banyak industri berteknologi tinggi di seluruh negara, eloklah ia juga diagihkan ke negeri lain, termasuk Kedah dan Melaka," katanya.

Menurutnya, kerajaan mempunyai dasar untuk menggalakkan pelabur asing menanam modal di negara ini, di samping Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (Mida) yang turut berfungsi menarik pelabur dalam industri berteknologi tinggi.

Sehubungan itu, katanya, sebuah kawasan perindustrian teknologi tinggi di Kulim, Kedah sedang dimajukan yang dijangka beroperasi sepenuhnya tidak lama lagi.

"Segala bekalan dan kemudahan untuk tujuan itu akan disediakan dan kita berharap pelabur akan datang melabur. Rentuk industrinya adalah berteknologi tinggi dan

sebahagian daripada operasinya sudahpun berjalan," katanva.

Ditanya mengenai kurangnya minat pelabur asing untuk melabur ke negeri di Pantai Timur dan Melaka kerana kurangnya kemudahan asas, beliau berkata, perkara itu tidak berlaku, sebaliknya kilang industri di Pantai Barat kekurangan pekerja kerana ramai ke Pahang dan Terengganu untuk mendapatkan pekerjaan.

Bagaimanapun, katanya, kerajaan akan tetap menyediakan kemudahan asas secukupnya untuk negeri di Pantai Timur supaya lebih ramai dapat bekerja di kilang, termasuk surirumah.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, sudah tiba masanya pelabur asing menumpukan perhatian di negeri yang kurang kemudahan industri, khususnya yang bertaraf teknologi tinggi.

Terdahulu, dalam ucapannya, Perdana Menteri berkata, industri bermodal tinggi serta mempunyai nilai tambahan tinggi perlu diberi keutamaan kerana pengangguran bukan lagi menjadi masalah besar di negara ini.

"Oleh sebab pengangguran bukan lagi menjadi masalah, kita tidak lagi memerlukan projek yang menekankan kepada penggunaan ramai buruh yang biasanya mengeluarkan barangan yang rendah nilai tambahannya serta tahap teknologi yang rendah.

"Kita lebih berminat dengan industri bermodal tinggi, mempunyai nilai tambahan yang juga tinggi dan lebih canggih sesuai dengan peradaran masa," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, bidang elektrik dan elektronik mempunyai masa depan cerah di negara ini berdasarkan pengalaman yang ditunjukkan oleh syarikat seperti Hitachi, Matsushita, Motorola dan Intel.

"Mereka sudah membuktikan kepada dunia bahawa sumber tenaga kerja Malaysia boleh menandingi pekerja kilang di Jepun dan Amerika Syarikat di segi kualiti dan produktiviti," katanya.

Mengenai pembukaan dua kilang Hitachi berkenaan, beliau berkata ia menandakan satu lagi kemajuan dalam Kumpulan Hitachi di negara ini sejak penubuhan projek perintisnya, iaitu Hitachi Semiconductor (M) Sdn Bhd di Bayan Lepas, Pulau Pinang pada 1973.